

D.R. 18/2023

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Tenaga Boleh Baharu 2011.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 1

2. Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [*Akta 725*] dipinda dalam seksyen 1 dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menggantung kuat kuasa keseluruhan atau mana-mana peruntukan Akta ini di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 (“Akta 725”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 1 Akta 725 dengan memasukkan subseksyen (3) baharu untuk memberi Menteri kuasa untuk menggantung kuat kuasa keseluruhan atau mana-mana peruntukan Akta 725 di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3313]